



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

**NAMA KURSUS : PENGAJIAN ISLAM
KOD KURSUS : MPU 2313
PEPERIKSAAN : DISEMBER 2022
MASA : 3 JAM**

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (25 Markah)
BAHAGIAN B (75 Markah)

2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.

3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Kertas Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 13 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH LIMA (25)** soalan.

Jawab **SEMUA** dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Rukun iman merupakan teras, asas, dan tunjang kepada akidah Islam. Setiap orang Islam wajib mempercayai dan yakin dengan kesemua rukun iman. Tidak mempercayai salah satu daripada rukun iman menyebabkan iman seseorang

- A tetap.
- B terbatal.
- C terpadam.
- D terpesong.

2. Berikut merupakan akibat tidak mempercayai rukun iman.

- i. Iman akan terbatal
- ii. Senang terpedaya dengan gejala-gejala negatif
- iii. Mudah terdorong untuk melaksanakan maksiat
- iv. Senang terpengaruh dan mempercayai ajaran-ajaran sesat

- A i, ii
- B i, iii
- C ii,iii, iv
- D i,ii,iii, iv

3. "Wahyu Allah S.W.T yang diiturunkan kepada Nabi Muhammad SAW melalui malaikat Jibrail". Pernyataan tersebut merujuk

- A Al-Quran.
- B Al-Sunnah.
- C Al-Istihsan.
- D Al-Ijmak dan Al-Qiyas.

4. "Peraturan hidup yang digariskan oleh Islam bersumberkan wahyu dan sunnah nabi untuk diamalkan oleh setiap manusia". Pernyataan tersebut adalah merujuk
- A Islam.
 - B akidah.
 - C akhlak.
 - D syariah.
5. "Hukuman yang telah ditentukan dan ditetapkan Allah SWT di dalam al-Quran dan al-Hadis". Pernyataan tersebut adalah merujuk
- A Hudud.
 - B Qisas.
 - C Takzir.
 - D Diyat.
6. Berikut merupakan cara-cara beriman kepada Allah SWT.
- i. Percaya bahawa Allah S.W.T yang menjadikan alam ini serta makhluk-makhluk yang ada di dalamnya.
 - ii. Percaya bahawa Allah S.W.T sahaja wajib disembah, ditaati serta dipatuhi. Tidak ada yang layak disembah melainkan Dia.
 - iii. Mempercayai bahawa Allah S.W.T tidak sepenuhnya bersifat dengan sifat-sifat kesempurnaan, punyai sifat kekurangan, keaiban dan kebinasaan.
 - iv. Mematuhi dan mentaati segala perintah Allah S.W.T dengan hati yang terpaksa semata-mata untuk mendapat keredaan Allah S.W.T.
- A i, ii
 - B i, iii
 - C ii,iii, iv
 - D i,ii,iii, iv

7. Berikut merupakan antara sikap orang yang beriman dengan qada' dan qadar Allah SWT **kecuali**
- A rajin belajar serta rajin berusaha.
 - B patuh dan taat perintah Allah SWT.
 - C bertawakal kepada Allah SWT tanpa berusaha sedaya upaya dalam mencapai sesuatu perkara.
 - D tidak berputus asa jika gagal dalam sesuatu perkara malah teruskan usaha dengan keyakinan Allah SWT akan memberi ganjaran atas usaha yang dilakukan.
8. Ilmu yang membincangkan persoalan berkaitan kekeluargaan merujuk
- A Ibadat.
 - B Jinayat.
 - C Muamalat.
 - D Munakahat.
9. "Membunuh orang dengan sengaja, menghilangkan atau mencederakan salah satu anggota badan orang lain dengan sengaja dan melukakan orang lain dengan sengaja merupakan satu kesalahan yang wajib dikenakan hukuman
- A Diat.
 - B Qisas.
 - C Takzir.
 - D Hudud.
10. Hukum asal berpuasa pada bulan Ramadan bagi orang Islam ialah
- A wajib.
 - B sunat.
 - C harus.
 - D haram.

11. Berikut ialah tanggungjawab bersama-sama suami dan isteri dalam rumahtangganya.

- i. Saling memarahi sekiranya pasangan membuat silap.
- ii. Saling bermaafan sekiranya pasangan membuat silap.
- iii. Saling menasihati dan berbincang hal berkaitan rumahtangga.
- iv. Saling menghormati dan menyayangi antara kedua belah pihak suami dan isteri.

- A i, ii
B i, iii
C ii,iii, iv
D i,ii,iii, iv

12. Apakah yang dimaksudkan dengan masyarakat majmuk?

- A Masyarakat majmuk ialah masyarakat yang menyerupai dari segi bangsa, bahasa, kebudayaan dan agama, tetapi tinggal bersama dalam satu negara
- B Masyarakat majmuk ialah masyarakat yang sama dari segi bangsa, bahasa, kebudayaan dan agama, tetapi tinggal bersama dalam satu negara.
- C Masyarakat majmuk ialah masyarakat yang berbeza dari segi bangsa, bahasa, kebudayaan dan agama, tetapi tinggal bersama dalam satu negara.
- D Masyarakat majmuk ialah masyarakat yang berbeza dari segi bangsa, bahasa, kebudayaan dan agama, tetapi tinggal bersama dalam satu dunia.

13. Manakah antara berikut bukan adab dalam pengajaran dan pembelajaran menurut Islam?

- A Menghormati guru kerana keberkatan ilmu yang diperoleh tertakluk kepada penghormatan murid kepada gurunya.
- B Menjalin hubungan baik antara guru, murid dan ibu bapa kerana hubungan baik ini penting untuk mewujudkan sangka baik antara ketiga-tiga pihak.
- C Mengajukan pertanyaan dan persoalan dengan sopan dan hormat kepada guru sekiranya tidak memahami sesuatu pelajaran.
- D Guru dibolehkan memukul dan mendera bagi tujuan memberi pengajaran dan mendidik pelajar.

14. Zaman pemerintahan dan kepemimpinan Rasulullah SAW dan Khulafa' al-Rashidin adalah sebaik-baik zaman pemerintahan dan kepimpinan. Berikut antara prinsip-prinsip pemerintahan dan kepimpinan yang perlu diambil dan dicontohi sebagai panduan.

- i. Keadilan
- ii. Ketelusan
- iii. Kebebasan
- iv. Kesamarataan

A i, ii

B i, iii

C ii,iii, iv

D i,ii,iii, iv

15. Berikut merupakan antara kriteria penting dalam menentukan sama ada produk perbankan yang ditawarkan oleh sesebuah bank tersebut harus di sisi Islam atau tidak **kecuali**

- A tidak mengamalkan riba.
- B tidak wujud unsur gharar.
- C telus dalam dokumen perjanjian dan muamalah.
- D Akad, iaitu lafaz penawaran dan penerimaan produk hanya dipersetujui oleh satu pihak sahaja.

16. Manakah antara berikut padanan yang benar mengenai peranan Institusi Pembangunan Ekonomi Islam?

- A Baitul mal bertindak sebagai dana kebajikan sosial seperti yang dipertanggungjawabkan kepada baitul mal.
- B MARDI dan FAMA berperanan memberi pinjaman kepada individu dan syarikat yang ingin memulakan aktiviti ekonomi.
- C YAPEIM berperanan membuat penyelidikan dan pembangunan berkaitan hal ehwal manusia.
- D Bank Islam, Bank Rakyat dan Bank Muamalah memberi rumah percuma kepada penyimpan yang menyimpan di bank-bank tersebut.

17. Antara pernyataan berikut, yang manakah menunjukkan peranan kerajaan dalam mengawal dan mencegah gejala keruntuhan moral yang berlaku di kalangan remaja?
- A Mengawal interaksi antara lelaki dan perempuan bukan mahram.
 - B Mencipta dan mengekalkan keharmonian serta kasih sayang dalam keluarga.
 - C Memantau dan mengambil tindakan pantas terhadap elemen sosial yang negatif seperti penjualan CD dan majalah lucah.
 - D Mengawal penampilan, pergaulan dan percakapan antara lelaki dan perempuan.
18. Berikut merupakan pihak-pihak yang terlibat dalam mengawal dan membendung gejala keruntuhan moral.
- i. Peranan individu Islam
 - ii. Peranan masyarakat Islam
 - iii. Peranan ibu bapa atau keluarga
 - iv. Peranan masyarakat luar Negara
- A i, ii
 - B i, ii, iii
 - C ii,iii, iv
 - D i,ii,iii, iv
19. Apakah definisi Sains menurut Islam?
- A Ilmu berkaitan penciptaan manusia, alam sekitar, cakerawala yang tidak dijelaskan secara langsung atau tidak langsung dalam al-Quran.
 - B Ilmu berkaitan penciptaan manusia, alam sekitar, cakerawala yang dijelaskan berdasarkan teori dan hasil kajian Barat.
 - C Ilmu berkaitan penciptaan manusia, alam sekitar, cakerawala yang sama ada dijelaskan dalam al-Quran serta kitab lain.
 - D Ilmu berkaitan penciptaan manusia, alam sekitar, cakerawala yang sama ada dijelaskan secara langsung atau tidak langsung dalam al-Quran.

20. Islam menggalakkan aktiviti pembangunan yang membawa dan menunjukkan kemajuan sesebuah negara. Namun, pembangunan tersebut haruslah menyumbang kepada masyarakat sosial serta memenuhi kriteria yang ditetapkan dalam syariat Islam antaranya

- i. masjid sebagai pusat aktiviti sosial.
- ii. pusat rekreasi seperti kolam renang diasaskan mengikut ciri-ciri Islam.
- iii. pejabat kerajaan dan pusat membeli belah perlu wujud paling tidak satu kawasan ibadat untuk pengunjung Islam menunaikan solat lima waktu.
- iv. pusat hiburan alternative Islam diwujudkan bagi mengelakkan generasi muda Islam terjebak dengan kegiatan sosial yang negative seperti penagihan dadah dan perlumbaan haram.

- A i, ii
B i, iii
C ii, iii, iv
D i, ii, iii, iv

21. Antara pernyataan berikut, yang manakah menunjukkan pembangunan atau kemajuan teknologi yang menyalahi syariat Islam?

- A Kemajuan telefon yang memudahkan manusia berhubung antara satu sama lain tanpa sempadan.
- B Kemajuan internet yang membolehkan manusia menonton video lucah tanpa sekatan.
- C Kemajuan peralatan perubatan untuk melihat keadaan bayi di dalam kandungan dan menggugurkannya sesuka hati sekiranya mengetahui bayi itu cacat.
- D Kemajuan perisian dan peralatan mengajar memberi sumbangan yang besar dalam skop pendidikan.

22. Apakah ciri-ciri yang diperlukan untuk melahirkan perpaduan yang utuh dalam kalangan umat Islam?

- I. Tanggungjawab.
- II. Akhlak mahmudah.
- III. Akidah yang mantap.
- IV. Kebebasan dan kekayaan.

- A. i, ii
- B. i, iii
- C. ii, iv
- D. i,ii,iii

23. Ekstrimisme merupakan salah satu bentuk salah faham semasa terhadap Islam.

Manakah antara pernyataan berikut merujuk ekstrimisme?

- A Islam satu agama yang taksab dan tidak secocok dengan era moden.
- B Pemikiran yang melampau terhadap Islam yang mengancam kesejahteraan hubungan antara manusia.
- C Satu perbuatan yang mempunyai elemen ganas dalam Islam seperti bom untuk membunuh mangsa.
- D Satu bentuk pegangan atau kepercayaan yang teguh dan kuat terhadap agama Islam

24. Berikut merupakan antara tindakan individu Islam yang perlu dilakukan oleh bagi mengatasi salah faham terhadap agama.

- i. Meningkatkan jati diri.
- ii. Melengkapkan diri dengan ilmu semasa.
- iii. Menolak isi kandungan al-Quran dan hadis.
- iv. Mempelajari dan menguasai semua kepakaran sains, teknologi dan ICT.

- A i, ii, iv
- B i, iii
- C ii,iii, iv
- D i,ii,iii, iv

25. Hukum menghina dan mempersendakan agama Islam ialah

- A berdosa kecil.
- B tidak berdosa.
- C berdosa besar.
- D tidak berdosa besar.

[25 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **LIMA(5)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan. Jawab dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Islam agama yang diredai Allah SWT, diturunkan untuk membimbing manusia bagi memperoleh kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat. Nabi Muhammad SAW diutuskan untuk menyampaikan ajaran-Nya bagi mencapai matlamat tersebut melalui panduan al-Quran. Perkara yang menjadi asas kepada agama Islam ialah rukun Islam dan rukun Iman.

Berdasarkan pernyataan di atas:

a. Senaraikan **lima(5)** rukun Iman.

(5 markah)

b. Terangkan **lima(5)** perbuatan yang merosakkan iman.

(10 markah)

SOALAN 2

Islam terbahagi kepada tiga bahagian iaitu Akidah, Syariah dan Akhlak. Manakala, Syariah pula mempunyai empat bahagian iaitu ibadah, muamalat, munakahat dan jinayat.

Berdasarkan pernyataan di atas:

a. Nyatakan **lima(5)** jenis transaksi dalam muamalat Islam.

(5 markah)

b. Huraikan **lima(5)** hikmah melaksanakan hukuman Hudud menurut Islam.

(10 markah)

SOALAN 3

Keluarga ialah satu kelompok khusus manusia yang lazimnya tinggal bersama atau berasingan yang ahli-ahlinya mempunyai hubungan darah bersama.

Berdasarkan pernyataan di atas:

- a. Berikan **lima(5)** pihak yang terlibat dalam institusi keluarga.

(5 Markah)

- b. Bincangkan **lima(5)** kriteria untuk menjadikan sebuah keluarga itu keluarga bahagia.

(10 Markah)

SOALAN 4

Malaysia ialah Negara yang mempunyai masyarakat majmuk iaitu terdiri daripada berbilang bangsa seperti Melayu, Cina, India dan pelbagai bangsa lain.

Berdasarkan pernyataan di atas:

- a. Nyatakan **lima(5)** jenis agama yang dianuti oleh penduduk pelbagai bangsa di Malaysia..

(5 markah)

- b. Terangkan **lima(5)** adab terhadap jiran menurut Islam.

(10 markah)

SOALAN 5

Gejala keruntuhan moral atau akhlak kian menular dalam kalangan masyarakat dengan pelbagai ragamnya. Keruntuhan akhlak terdiri daripada sekecil-kecil kesalahan perilaku seperti ponteng sekolah dan tidak menghormati guru sehingga melibatkan suatu perilaku yang ditakrifkan sebagai jenayah.

Berdasarkan pernyataan di atas:

- a. Berikan **lima(5)** punca berlakunya gejala keruntuhan moral yang berlaku dalam kalangan remaja masa kini.

(5 markah)

- b. Bincangkan **lima(5)** hikmah pengharaman berzina menurut Islam.

(10 markah)

[75 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT

